Tindakan tambak laut terus dibantah

BH 2 6JUL 2002

PASIR GUDANG, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terus menyuarakan rasa tidak puas hatinya dengan kerja penambakan laut oleh Singapura kerana ia menyebabkan terusan di Selat Tebrau sempit dan mengganggu laluan kapal termasuk kapal tentera.

Perdana Menteri berkata, rasa tidak puas hati itu akan terus disuarakan dan Malaysia masih berhubung dengan Singapura mengenainya.

"Kita sedang bercakap dengan Singapura, penambakan laut menyebabkan terusan menjadi lebih sempit.

"Apabila sempit, air mengalir kuat dan mengganggu pelayaran kapal terutama kapal tentera kita," katanya pada sidang akhbar selepas melawat Pelabuhan Johor di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas perkembangan terkini isu penambakan laut oleh Singapura yang menimbulkan kebimbangan banyak pihak termasuk pemimpin masyarakat dan Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ), iaitu pihak bertanggungjawab memantau operasi di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) dan Pelabuhan Johor.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir berkata, beliau percaya pelabuhan di negara ini akan terus mengalami pertumbuhan memberangsangkan.

"Ini terbukti kerana lapan tahun lalu, Malaysia hanya mengendalikan lima juta kontena, tetapi sekarang Johbr Port Bhd saja sudah mengendalikan 700,000 kontena berbanding 300,000 sebelum ini.

"Apabila jumlah itu digabung dengan Pelabuhan Klang, kita sudah kendali hampir lapan juta (kontena). Kita masih mempunyai ruang yang cukup luas untuk mempertingkat pertumbuhan itu," katanya.

Beliau yakin menjelang tahun 2005, pelabuhan di negara ini akan mengalami pertumbuhan lebih pesat dengan mengendalikan lebih banyak kontena sehingga melebihi 10 juta unit.

"Saya percaya pelabuhan di negara kita bakal [illegible] terbesar dengan keupayaan mengendalikan kontena pada jumlah yang lebih banyak di rantau ini," katanya.

Mengenai Belanjawan 2003 yang akan dibentangkan beliau tidak berapa lama lagi, Dr Mahathir mengakui belanjawan itu lebih baik kerana negara berjaya mengurangkan defisit.

"Menerusi Belanjawan 2003, kita akan menyaksikan pembangunan rakyat termiskin terus diberikan keutamaan," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir menasihatkan pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tidak mengeluarkan wang untuk tujuan beli komputer.

Sebaliknya, Perdana Menteri menasihatkan mereka menggunakan wang sendiri kerana harga komputer tidak terlalu mahal.

"Nak beli komputer bukanlah mahal sangat. Hanya bayar RM50 sebulan. Tak payahlah ambil duit KWSP," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, kerajaan akan mengkaji semula skim pengeluaran KWSP bagi tujuan pembelian komputer kerana terlalu banyak kes penyalahgunaan wang caruman.

"Kita tahu ada penyalahgunaan (wang KWSP) yang banyak. Duit sendiri kita ambil RM3,000 bagi kepada orang RM2,000 untuk dapat resit. la semata-mata untuk tunjuk mereka dah beli komputer.

"Walhal mereka tak beli. Mereka ambil RM1,000 untuk dapat resit. Bodohlah... kita ada bukti." katanya.

Perdana Mknteri turut menegaskan, beliau tidak bersetuju pencarum menggunakan wang KWSP untuk tujuan tidak bermanfaat kerana wang itu sepatutnya diguna apabila mereka bersara.

"Kita dapati, dia punya pemikiran hanya setakat hari ini. Kalau dapat duit hari ini dia seronok. Dia tak tahu masa depan. Kalau dah berhenti kerja tak ada duit.

"Pada ketika itu baru fikir dia tak patut berbelanja. Tapi sudah terlewat," katanya.